

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy**
[Kota Kinabalu]

TARIKH : **3 NOV 2014**
(ISNIN)

SOALAN:

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy
[Kota Kinabalu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM**
SEKITAR menyatakan peruntukan yang telah diberi oleh Kerajaan Persekutuan bagi tujuan mengatasi masalah banjir dan rancangan naik taraf sistem pengairan dan saliran di setiap kawasan atau daerah di setiap negeri bagi tahun 2003- 2013.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah memperuntukkan sebanyak RM292 juta dalam tempoh 2003 hingga 2013 kepada beberapa daerah di Negeri Sabah bagi tujuan tebatan atau mencegah banjir seperti berikut:

Bil.	Daerah	Peruntukan (RM)
1.	Ranau	3.05 juta
2.	Kota Belud	3.99 juta
3.	Kota Marudu	4.78 juta
4.	Sandakan	4.92 juta
5.	Keningau	11.99 juta
6.	Beaufort	10.25 juta
7.	Putatan	11.62 juta
8.	Papar	11.64 juta
9.	Penampang	12.93 juta
10.	Tawau	13.35 juta
11.	Tuaran	56.75
12.	Lahad Datu	62.66 juta
13.	Kota Kinabalu	84.30 juta

Pada lazimnya peruntukan ini melibatkan kerja-kerja membesar, melencong, menaik taraf sungai-sungai atau membina saluran parit.

Selain daripada itu, terdapat peruntukan khas RTB Kawasan Parlimen tahun 2011 untuk setiap Parlimen:

Bil.	Daerah	Peruntukan (RM)
1	Sandakan	5.92 juta
2	Beaufort	2 juta
3	Beluran	1.92 juta
4	Tawau	2 juta
5	Keningau	2 juta
6	Papar	2 juta
7	Kinabatangan	1.87 juta
8	Kota Belud	2 juta
9	Kota Marudu	2 juta
10	Kudat	2 juta
11	Papar	2 juta
12	Penampang	2 juta
13	Sook	1.79 juta
14	Putatan	2 juta
15	Ranau	2 juta
16	Semporna	2 juta
17	Lahad Datu	2 juta
18	Sipitang	2 juta
19	Tenom	2 juta
20	Tuaran	2 juta
	JUMLAH	43.5 juta

Sekian, terima kasih.